

**KAJIAN ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT
AGAMA DI SABAH, MALAYSIA**

Barisan Penyelidik

Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib (Ketua Projek) – UPM

Profesor Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh – UPM

Dr. Abdul Hakim Mohad – UMS

Sdr. Ridzuan Firdaus @ Agus Payong – UPM Sdri. Fang Yi Xue – UPM

Pembiayaan Geran Penyelidikan

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

RINGKASAN EKSEKUTIF

“KAJIAN ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT AGAMA DI SABAH, MALAYSIA”

1.1 Pendahuluan

Masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan etnik sentiasa dikenali sebagai masyarakat yang toleran dan menjalin hubungan yang baik antara satu sama lain. Namun demikian, timbul persoalan apakah keadaan itu masih dapat bertahan setelah berlakunya perkembangan isu yang menyentuh sensitiviti agama masyarakatnya, khususnya apabila Mahkamah Rayuan membuat keputusan pada 22 Oktober 2013 bahawa, penerbitan Gereja Katolik, Herald-The Catholic Weekly (Herald) dilarang menggunakan kalimah Allah (Berita Harian, 23 Oktober 2013). Justeru, kajian ini dijalankan bagi mendalami serta menghurai isu dan cabaran hubungan antara penganut agama yang dikatakan semakin rumit dalam kalangan masyarakat. Penilaian akan dibuat menggunakan lima pembolehubah iaitu pengetahuan, persepsi, prejudis, diskriminasi dan tahap kesedaran tentang isu agama berasaskan lima objektif utama.

1.2 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan: (i) mengenal pasti tahap **pengetahuan** umum masyarakat mengenai agama sendiri dan agama lain, (ii) mengenal pasti **persepsi** masyarakat terhadap agama sendiri dan agama lain, (iii) mengenal pasti tahap **prejudis** masyarakat terhadap agama sendiri dan agama lain, (iv) mengenal pasti **diskriminasi** semasa terhadap agama lain, dan (v) mengenal pasti **kepentingan 11 isu agama** semasa dalam kalangan masyarakat terhadap diri sendiri dan agama lain.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua kumpulan agama terbesar di Sabah, iaitu Islam dan Kristian. Selain itu, lokasi kajian yang dipilih adalah bandaraya Kota Kinabalu, Sabah yang merupakan tumpuan penduduk Sabah yang berbilang agama dan etnik. Jumlah responden adalah seramai 500 responden bagi mewakili populasi di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif.

1.4 Metodologi Kajian

Metod kajian ini adalah survei (tinjauan). Dalam kaedah survei ini, set soal selidik (instrumen) berkaitan pengetahuan agama, persepsi, prejudis, diskriminasi dan kesedaran isu agama semasa telah diubah suai dengan merujuk kepada kajian A. T. Talib *et al.* (2013). Secara ringkas, maklumat metodologi secara ringkas adalah seperti berikut:

- a) Kajian ini menggunakan reka bentuk survei dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan di lokasi kajian, iaitu Kota Kinabalu, Sabah. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 500 orang daripada kalangan penganut Islam dan Kristian.
- b) Terdapat 6 bahagian dalam soal selidik yang digunakan bagi mendapatkan data, iaitu (i) ciri-ciri demografi, (ii) pengetahuan umum, (iii) persepsi, (iv) prejudis, (v) diskriminasi dan (vi) 11 isu agama semasa [Lampiran] yang telah disenarai pendekkan oleh para penyelidik ekoran daripada isu-isu agama semasa yang dikemukakan oleh JPNIN, JAKIM and IKIM. Semua bahagian memfokuskan tahap daripada pembolehubah tersebut. Skor untuk setiap pembolehubah dikira dan jumlah skor tersebut telah menentukan tahap bagi setiap pembolehubah.
- c) Sebanyak n=500 responden yang merupakan sampel kajian terdiri daripada peringkat umur antara 15 sehingga 60 tahun.

- d) Bagi mendapatkan sampel, teknik persampelan rawak mudah berstrata telah digunakan di mana ratio dibahagikan mengikut etnik dominan yang beragama Islam dan Kristian, iaitu masing-masing 62.2% and 35.6% dan selebihnya terdiri daripada responden beragama lain. Namun, kriteria bagi jenis responden tidak ditentukan secara spesifik dan ianya terbuka kepada semua masyarakat yang menetap di Sabah.
- e) Analisis deksriptif digunakan dengan memberi fokus kepada frekuensi (n) dan juga peratus (%) bagi setiap pembolehubah dan juga melihat kepada nilai skor bagi pemboleh-pemboleh ubah yang utama iaitu pengetahuan umum, persepsi, prejudis, diskriminasi dan isu agama.

1.5 Dapatan Kajian

Beberapa dapatan kajian utama yang perlu diberikan perhatian oleh pelbagai pihak terutama kerajaan seperti berikut:

- a) Tahap pengetahuan umum (paling asas) secara keseluruhan adalah tinggi (91.8%). Hal ini memperlihatkan masyarakat di Sabah memahami agama sendiri dan juga agama lain.
- b) Majoriti responden mempunyai persepsi yang positif, 98% terhadap agama sendiri dan agama lain.
- c) Sebahagian besar daripada responden mempunyai tahap prejudis yang rendah, 62.6% manakala 36.8% menunjukkan tahap prejudis yang sederhana. Hanya 0.6% daripada responden berada di tahap prejudis yang tinggi.
- d) Sebahagian besar responden, 88% merasakan mereka tidak pernah mengalami diskriminasi.
- e) Secara keseluruhan, daripada 11 isu agama semasa, isu tapak rumah ibadat, isu hak penjagaan anak dan isu bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah berada di tangga tertinggi dari segi peratus

kepentingannya. Justeru, ini dapat memperlihatkan isu kalimah Allah tidak menjadi isu paling penting bagi responden. Bagi responden yang beragama Islam dan Kristian, kedua-dua isu penghinaan agama dan isu hak penjagaan anak berada di tangga tertinggi. Walau bagaimanapun, isu-isu lain yang menampakkan peratus lebih rendah juga penting dan perlu diberi perhatian.

1.6 Saranan

- a) Penyelidik mencadangkan agar wujudnya kerjasama erat antara JPNIN, JAKIM dan IKIM dalam membincang dan mencari jalan penyelesaian terhadap pelbagai isu antara penganut agama di Sabah.
- b) Seterusnya, Jawatankuasa Khas Mengenai Agama di Kementerian perlu diwujudkan dengan kadar segera.
- c) Satu modul latihan untuk penjawat awam berhubung dialog dan menghargai kepelbagaian budaya dan agama perlu disediakan sebagai persediaan menghadapi kemungkinan kes-kes berbaur keagamaan dari meletus.
- d) Kursus berkala berhubung dialog perlu dijalankan bagi mengemaskini maklumat mengenai perselisihan antara agama dan seterusnya memupuk semangat kekitaan dalam kalangan penjawat awam.
- e) Mewujudkan dialog melalui wacana intelektual dalam bentuk bilateral/trilateral dan perlu diperluaskan skopnya ke dalam kehidupan masyarakat yang lebih besar dan bukannya bertumpukan di IPT atau IKIM.
- f) Pelbagai saluran media komunikasi sama ada saluran perdana atau alternatif serta media sosial perlu dijuruskan ke arah mempromosikan keharmonian beragama.

- g) Para pendialog wajar dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian agama dan perbandingan agama supaya menyampaikan mesej dengan lebih tepat.
- h) Program galakan meraikan kepelbagaian harus digandakan dan diuar-uarkan kepada masyarakat melalui pelbagai saluran.

1.7 Kajian Seterusnya

- a) Penelitian terhadap kefahaman tentang pengetahuan agama sendiri dan agama penganut lain dengan lebih mendalam.
- b) Penelitian isu-isu secara lebih luas dan mendalam dari perspektif agama yang berbeza untuk mengenalpasti potensi isu yang bakal mencetuskan isu ketegangan antara penganut agama.
- c) Meluaskan kajian ke seluruh Sabah dan Sarawak.

Disediakan oleh:

Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

9 Ogos 2016

Rujukan

Ahmad Tarmizi Talib, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, Sarjit S. Gill, Abd Hakim Mohad, Fatahyah Yahya, N. A. M. I. (2013). *Toleransi Sosio Agama di Sabah dan Sarawak*.

Berita Harian. Herald dilarang guna kalimah Allah. 23 Oktober.

Lampiran (11 Isu Agama Semasa)

| Isu | Tidak Penting | Penting | Jumlah |
|--|----------------------|----------------|---------------|
| Tapak rumah ibadat | 34 (6.8) | 466 (93.2) | 500 (100%) |
| Isu hak penjagaan anak | 41 (8.2) | 459 (91.8) | 500 (100%) |
| Isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah | 48 (9.6) | 452 (90.4) | 500 (100%) |
| Isu Penghinaan agama (cth: Bakar Greja, Kepala Babi di Masjid) | 52 (10.4) | 448 (89.6) | 500 (100%) |
| Isu Tuntutan / Perebutan mayat | 58 (11.6) | 442 (88.4) | 500 (100%) |
| Isu Hudud | 61 (12.2) | 439 (87.8) | 500 (100%) |
| Isu Malaysia Negara Islam/Sekular | 71 (14.2) | 429 (85.8) | 500 (100%) |
| Isu Kalimah Allah | | | |
| Isu Penggunaan Lambang Salib | 80 (16.0) | 420 (84.0) | 500 (100%) |
| Isu penyebaran agama lain | 107 (21.4) | 393 (78.6) | 500 (100%) |
| Isu Bible versi Bahasa Melayu (al- kitab) | 114 (38.5) | 385 (77.0) | 500 (100%) |
| Isu pertukaran agama (cth: Murtad) | 116 (23.2) | 384 (76.8) | 500 (100%) |